

ANUGERAH HARI KEBANGSAAN

Mantan DPM Jayakumar terima anugerah tertinggi

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

MANTAN Timbalan Perdana Menteri Profesor S Jayakumar mengetuai senarai penerima Anugerah Hari Kebangsaan tahun ini.

Beliau akan menerima anugerah tertinggi iaitu Darjah Utama Temasek (Dengan Kejujuran Tinggi).

Hanya seorang sahaja diberikan anugerah berprestij itu tahun ini.

Profesor Jayakumar juga merupakan Penasihat Guaman Kanan kepada Kementerian Ehwat Luar (MFA).

Turut menerima anugerah tahun ini termasuk Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM), Encik Izzuddin Taherally.

Beliau diiktiraf dengan Bintang Bakti Masyarakat (Lintang).

Anugerah Hari Kebangsaan diberikan untuk mengiktiraf jasa dan sumbangan individu kepada negara.

Tahun ini, seramai 5,471 individu menerima Anugerah Hari Kebangsaan.

Menurut satu kenyataan pemerintah, sebanyak 4,804 anugerah diberi kepada orang awam, manakala 667 anugerah diberi kepada anggota pasukan tentera.

Bagi anugerah kedua tertinggi dalam senarai Anugerah Hari Kebangsaan iaitu Darjah Utama Bakti Cemerlang, hanya dua individu menerimanya tahun ini.

Mereka adalah Pengerusi Persatuan Kanak-Kanak Singapura, Encik Koh Choon Hui, dan mantan Pengerusi Iseas – Institut Yusof Ishak, Profesor Wang Gungwu yang juga mantan Pengerusi Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew Universiti Nasional Singapura (NUS) dan mantan Pengerusi Institut Asia Timur NUS.

Turut menerima Pingat Jasa Gemilang ialah Mantan Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Profesor Madya Benjamin Ong, serta Setiausaha Tetap (Penyelidikan dan Pembangunan Nasional), Cik Chan Lai Fung.

Cik Chan juga Setiausaha Tetap (Pejabat Dasar dan Perancangan Sains dan Teknologi Sektor Awam) serta Pengerusi Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star).

Menurut laman PMO, Pingat Jasa Gemilang dianugerahkan kepada warga yang telah berbakti di dalam atau di luar Singapura.

Antara cirinya adalah tekad dan iltizam kepada tugas, termasuk perkhidmatan lama yang menunjukkan keupayaan luar biasa, merit dan kelakuan yang dapat menjadi contoh.

Turut menerima anugerah ialah Anggota Lembaga Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), Encik Latiff Ibrahim, yang diiktiraf dengan Bintang Bakti Masyarakat.

Dalam senarai penerima Anugerah Hari Kebangsaan tahun ini, beberapa pejawat awam Melayu/Islam turut diiktiraf.

Mereka termasuk Timbalan Mufti Ustaz Dr Mohammad Hannan Hassan yang diiktiraf dengan Pingat Pentadbiran Awam (Gangsa).


Orang ramai boleh melihat senarai penuh penerima anugerah tahun ini di laman web Pejabat Perdana Menteri (PMO) di www.pmo.gov.sg/national-day-awards.

Senarai ini tidak termasuk individu dan pertubuhan yang telah menyumbang dengan cemerlang kepada usaha menangani krisis Covid-19.

Terdapat senarai anugerah nasional yang berbeza yang bertujuan mengiktiraf individu yang telah memberi sumbangan besar dalam respons nasional menangani Covid-19 kelak.



JASA DIKTIRAF:
Mantan Timbalan Perdana Menteri Profesor S Jayakumar akan menerima anugerah tertinggi iaitu Darjah Utama Temasek (Dengan Kepujian Tinggi). – Fofoto fail



ANTARA PENERIMA: Mereka yang menerima anugerah Hari Kebangsaan tahun ini termasuk (*dari kiri*) Timbalan Mufti Ustaz Dr Mohammad Hannan Hassan yang menerima Pingat Pentadbiran Awam (Gangsa); Anggota Lembaga Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), Encik Latiff Ibrahim yang menerima Bintang Bakti Masyarakat dan Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Encik Izzuddin Taherally yang diiktiraf dengan Bintang Bakti Masyarakat (Lintang).